

# Rakyat Kelantan tentukan sendiri masa depan

BH- 7/5/2007

**K**OTA BHARU: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata sebagai pemimpin Umno yang tulen, beliau tidak mahu melihat Kelantan terus diperintah Pas, kerana sudah melihat ketidakmampuan parti pembangkang itu sejak 1969.

"Bila menang pun, apa Pas boleh buat? Pas tidak boleh buat apa-apa pun sama ada pada peringkat negeri atau pusat, kerana parti itu masih minoriti.

"Kalau Pas memerintah Kelantan, ia bukanlah satu luar biasa. Sekian lama pun Pas perintah Kelantan juga, tidak bermakna Kerajaan Pusat tidak boleh menolong rakyat Kelantan kerana Pusat lebih kuat," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Kelantan bertanggungjawab untuk menentukan masa depan mereka sendiri kerana Malaysia mengamalkan demokrasi.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyampaikan syarahan Perdana Tahunan Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) di sini, petang semalam. Majlis itu turut dihadiri Penaung MTRK, Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Mahathir berkata, pilihan raya di negara ini berjalan secara demokratik yang membolehkan rakyat menukar parti setiap kali pilihan raya umum diadakan.

Masa sama, katanya, rakyat juga boleh menggunakan proses pilihan raya itu untuk menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap pemimpin termasuk kerajaan dengan memberi kemenangan kepada lawan jika tidak memimpin dengan baik.

Mengulas kemenangan BN di Ijok, beliau berkata, kalau sokongan pengundi di kawasan itu ikhlas, ia membuktikan kepemimpinan kerajaan ketika ini disokong rakyat.